


AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 20 RABU 20 MEI, 1970 1390 ربيع الاول 14 PERCHUMA



Timbalan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika melafazkan sabda dalam sambutan yang meriah itu.

SABDA DULI TIMBALAN SULTAN DALAM SAMBUTAN MAULUD NABI

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah berchemarduli ka-upachara sambutan Maulud Nabi s.a.w. yang telah berlangsung di-padang besar Bandar Brunei pada hari Isnin 18 Mei lepas.

Dalam upacara itu, Timbalan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan juga telah melafazkan sabda kepada peserta2 perarakan yang telah berhimpun sa-belum memulakan perarakan mengelilingi bandar.

Terdahulu sa-belum itu Kadzi Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin telah menyampaikan sharahan khas mengenai dengan riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Mohammad s.a.w. dan juga ucapan alu2an daripada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Muda Kemaluddin Al-Haj.

Sabda Duli Timbalan Sultan dalam upacara tersebut dengan sapenoh-nya ada-lah seperti berikut:

"Assalamu'alaikum - warahmatullah - hiwabarkatoh. Alhamdulillah shukur ka-hadzarat Allah Subahanahu-wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul dengan aman-nya di-padang ini. Salawat serta salam ditujukan kepada junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. serta sa-habat2 Baginda yang setia sekalian.

Hari ini 12 haribulan Rabi'ul-Awal kita berkumpul dalam suasana aman dan tenteram dan meriah-nya kerana menyambut hari kelahiran Nabi kita Saidina Mohammad s.a.w. ia-itu pesuruh Allah yang penghabisan yang mana ajaran2-nya kita terima dan telah kita warithi sejak zaman berzaman. Menurut sejarah bahawa di-riwayatkan Sultan Brunei yang mula2 memeluk Ugama Islam ia-itu ugama yang di-bawa oleh Nabi Mohammad yang kita rayakan hari Maulud-nya pada sa'at ini ia-lah Awang Alak Betatar. Kemudian ia sa-sudah memeluk Ugama Islam nama-nya di-buah menjadi Sultan Mohammad, besar kemugkinan nama Mohammad itu di-nakai Baginda sa-bagai mengambil sukut baik daripada nama Nabi kita yang terhenta itu, Baginda Sultan Mohammad di-islamkan oleh Sharif Ali sa-orang Arab yang datang berasal dari Taif, Sharif Ali itu pun akhir-nya menjadi Sultan di-Brunei ia-itu Sultan yang ketiga.

Ajaran Nabi Mohammad sudah berkurun2 sampai ka-Brunei dan telah menjadi pusaka yang kita warithi dari datok nenek kita dan

insha Allah akan kita jadikan pusaka itu pula untuk di-warithi oleh anak chuchu kita dan keturunan kita yang akan datang. Maka oleh kerana ajaran2 akan kita jadikan pusaka kepada keturunan2 kita akan datang ada-lah menjadi satu perkara yang amat mustahak kepada kita untuk berusaha pada mengetahui dan mempelajari ajaran2 itu dengan bersungguh2.

Di-Brunei ini penyiaran ajaran2 Nabi kita itu ada-lah di-kelolakan oleh Kerajaan Baginda Sultan dengan giat - nya. Penyiaran2 itu bukan hanya terhad kepada kanak2 sama ada ia-di-ajar di-sekolah2 pada sebelah petang atau pun di-pelajari sa-bagai satu mata pelajaran di-sekolah2 menengah kerajaan bahkan ia terbuka juga kepada orang2 dewasa ia-itu melalui kelas2 dewasa yang mana ini kelas2 tersebut boleh di-katakan ada di-buka di-kampung2 di-seluruh negeri ini. Di-samping itu kerajaan Baginda Sultan mengadakan biasiswa kepada penuntut2 yang telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran ugama ka-luar negeri, mengharapkan penuntut2 itu nanti sesudah mereka lulus dan berkhidmat dengan jujur-nya akan menjadi tunggak ugama di-negeri ini. Dalam usaha2 tersebut dan usaha2 lain-nya yang telah dan sedang serta akan di-buat oleh Kerajaan Baginda Sultan dalam lapangan ugama dapat-lah di-ambil kesimpulan bahawa Kerajaan Baginda Sultan memberikan perhatian yang amat berat kepada perkembangan dan kemajuan ugama di-negeri ini. Semoga dengan usaha2 itu Kerajaan Baginda Sultan dapat di-anggap laila di-fahami telah berusaha menunaikan kewajiban-nya dan kewajiban yang di-tunaikan itu semoga di-terima oleh Allah Subahanahu-wataala. Apa yang timbul atau boleh di-timbulkan sekarang ini ia-lah mengenai dengan kerjasama dan sambutan laila ra'ayat dan laila penduduk negeri ini pada usaha2 Kerajaan Baginda Sultan.

Kerjasama itu termasuk-lah memahami akan maksud dan tujuan yang ikhlas, kerajaan mengenai dengan usaha2 dan projek2-nya jangan-lah di-salah mengerti kalau orang faham kerajaan mempunyai jabatan yang mana dan sememangnya bekerja dan tugasnya untuk memberi penerangan yang sa-benar2-nya.

(Lihat Muka 8)

Ibu-bapa di-seru mengambil berat tentang pelajaran anak2

BERAKAS. — Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah menggesa ibu bapa supaya mempengaruhi fikiran anak2 dengan menumpukan kepada pelajaran yang lebeh baik dan berkesan.

Yang Amat Mulia itu berkata demikian ketika merasmikan Pameran Lukisan dan Pertutangan Tangan Sekolah2 Melayu Brunei Dua di-Sekolah Melayu Angrek Desa Berakas pada minggu lepas.

Beliau juga mensifatkan pameran yang di-adakan tahun ini ada-lah lebeh baik daripada tahun2 yang sudah.

Ini kata-nya, ada-lah hasil dari usaha guru2 dan kesedaran ibu bapa yang mengambil perhatian berat tentang pelajaran anak2 mereka yang mahu melihat anak2 mereka menjadi satu anggota masyarakat berpelajaran sesuai dengan kemajuan negeri.

Beliau juga mengharapakan supaya anak2 di-negeri ini tidak akan ketinggalan dari bangsa2 asing dalam semua bidang pelajaran dan ilmu pengetahuan.

Turut berichap di-majlis itu ia-lah Penyusun Latehan Ke-

senian Sekolah2 Melayu Che'gu Mohamad Sum bin Hashim dan Che'gu Abdul Razak bin Bungsu sa-laku pengurus majlis.

Sa-banyak 18 buah sekolah2 melayu di-bahagian Brunei Dua telah mengambil bahagian dalam pameran itu.

Sekolah Melayu Angrek Desa telah menjadi johan, Sekolah Melayu Amar Pahlawan naib johan dan ketiga Sekolah Melayu Berakas Kem Askar Melayu Di-Raja.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya.

Pengurniaan Pingat2 Puspa

TEMBURONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan mengurniakan pingat2 kerana memperingati Kepuspaan Baginda, kepada samurai tujoh belas orang penghulu, ketua2 kampung dan Menteri2 Darat di-Daerah Temburong.

Pingat2 itu telah di-sampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong Awang Mohamed Salleh bin Hidup, di-satu upacara yang telah berlangsung di-bangunan semantara Sekolah Melayu Sultan Hassan, pekan Bangar pada minggu lepas.

BERASASKAN kenyataan yang terdapat pada masa ini mengenai dengan penduduk2 Negeri Brunei ada-lah di-anggarkan kedarasan penambahan penduduk2 ia-lah lebih kurang 3 hingga 4% pada sa-tahun. Ini ada-lah terjumlah kepada negara2 di-dalam dunia ini yang mempunyai penduduk yang banyak dan kedarasan penambahan yang tinggi. Walau bagaimanapun berasaskan angka itu kita memerlukan, jika di-pandang pada keseluruhan-nya penambahan pendapatan negara lebih daripada peratus penambahan penduduk2 pada tahun2 itu. Misalnya penduduk kita sekarang bertambah dengan kedarasan 4% sa-tahun, kita sa-mesti-nya memajukan negara ini supaya mendapat penambahan pendapatan negara pada 6%. Dalam ertikata lain saya misalkan kepada satu keluarga yang mempunyai ahli keluarga sa-ramai 10 orang dengan penambahan sa-orang ahli keluarga pada tiap2 tahun. Jika keluarga ini mendapat jumlah penambahan pendapatan sama peratus-nya dengan penambahan ahli keluarga itu maka bererti kedudukan keluarga itu sama seperti biasa, dan kalau nasib tidak baik jika harga barang dan perkhidmatan meningkat tinggi bererti kedudukan keluarga itu ada-lah lebih singkat daripada yang sudah2. Jadi penambahan ahli keluarga itu 10% jumlah pendapatan keluarga itu hendaklah lebih daripada 10%. Misalnya 15%, bererti walaupun ahli keluarga itu telah bertambah sa-orang, pendapatan-nya pun juga bertambah dan pukul rata lebih daripada tahun yang sudah2. Oleh itu erti-nya ada kemajuan. Begitu-lah keadaan negara pendapatan negara sa-mesti-nya lebih deras penambahan-nya daripada penambahan penduduk.

ASAS

PEREKONOMIAN

Dari apa yang saya sebutkan awal tadi kita boleh-lah membuat beberapa kesimpulan masa'alah2 asas mengenai perekonomian negara:—

a) Pengeluaran yang kecil di-kalangan sektor2 perikanan dan pertanian yang menyebabkan kekechilan pendapatan, dan pendapatan ini pula tidak seimbang dengan pendapatan dari mata2 pencherian yang lain;

b) Sistem pasaran yang tidak lagi sesuai;

c) Kekurangan penyertaan di-kalangan anak2 tempatan dalam perusahaan, dan bidang2 seumpama ini yang membawakan pendapatan yang lebih lumayan; kerana ketiadaan kelayakan dan latihan;

d) Kedarasan penambahan penduduk di-saibangkan dengan kedarasan penambahan pendapatan negara; terutama sekali dari segi pembahagian-nya.

e) Tumpuan penanaman modal kepada satu kawasan2 ke-

wangan di-seberang laut; dan f) Kekurangan pasaran dan kekechilan penduduk.

Untuk menchapai penambahan pendapatan negara yang seimbang dengan penambahan penduduk2 itu bagi Negeri Brunei ini dan menurut keadaan yang terdapat sekarang adalah penting supaya sektor2 yang agak lemah ia-itu sektor2 pertanian, perikanan dan perusahaan2 kecil pada am-nya perlu di-usahakan supaya kedarasan dan jumlah pengeluaran2 mereka bertambah. Bererti kalau dulu-nya sa-ekar tanaman padi hanya boleh menghasilkan 400 gantang, maka usaha2 hendaklah di-jalankan supaya pengeluaran itu meningkat tinggi sekurang2-nya lebih daripada pengeluaran biasa. Dengan bertambah-nya pengeluaran ini dan dengan syarat faktor2 lain tetap seperti biasa, maka ada harapan baik pendapatan keluarga yang bergiat itu akan bertambah. Begitu-lah maksud-nya faktor2 yang lain.

Untuk menchapai penambahan pengeluaran itu tentu saja perkara2 yang mengenai dengan alat2 dan sistem2 penanaman, keluasan tanah, kemudahan2 sistem2 pemasaran dan sa-umpama-nya perlu diteliti dengan sa-halus2-nya untuk di-ator semula menurut syarat2 yang membolehkan pengeluaran hasil yang agak tinggi dan taraf yang lebih baik.

Untuk mengatasi kekosongan pernyataan di-kalangan tenaga2 tempatan itu ada-lah penting supaya kegiatan2 latihan terus di-perluaskan bagi melengkapkan anak2 tempatan menjawab sebarang jawatan; sama ada yang berchurak teknikal, profesional dan lain2; bukan saja untuk jabatan2 kerajaan bahkan lebih2 lagi bagi sektor2 peribit seperti shariat2 minyak, badan2 perniagaan kecil atau besar dan kilang2 dan lain2. Untuk ini adalah perkara biasa bukan saja kemudahan2 untuk melengkapkan diri itu, untuk melengkapkan anak2 tempatan itu saharus-nya di-sediakan dan diadai oleh pihak Kerajaan bahkan juga harus dan sa-mesti-nya kemudahan2 itu di-sediakan oleh badan2 perusahaan dan perniagaan yang berkaitan ia-itu bukan saja sa-chara formal tetapi sa-chara

latihan sambil bekerja. Pihak Kerajaan seperti yang ada pada masa ini menyediakan kemudahan2 untuk mendapat persekolahan asas sa-hingga peringkat apa pun dan pihak2 peribit tegas-nya badan2 perusahaan dan badan2 perniagaan hendaklah memberi latihan praktik kepada anak2 tempatan yang lulus daripada persekolahan biasa itu dan latihan praktik itu hendaklah di-adakan jadal yang menunjukkan sehingga satu2 masa tenaga2 tempatan itu sa-harus-nya mempunyai latihan yang cukup dan oleh yang demikian layak bagi mengendalikan tenaga2 yang tertentu yang di-kendalikan oleh tenaga2 yang di-datangkan dari luar negeri. Yang seperti ini ada-lah lazim di-jalankan di-negara2 lain seperti Malaysia dan Singapura. Oleh itu memandang kepada terdapat-nya beberapa tenaga yang mempunyai persekolahan yang tertentu pada masa ini seperti kelulusan2 FMC saharus-nya dengan keadaan Brunei pada masa ini tidak sukar untuk menempatkan mereka di-kalangan sektor2 peribit

TARAF HIDUP

Sambil menguatkan sektor2 yang agak lemah seperti perburuhan dan bahagian2 pertanian, perikanan itu tadi adalah juga sama penting-nya bagi Negeri Brunei supaya mengukuhkan perusahaan2 yang besar seperti minyak dan gas kerana daripada hasil pendapatan perusahaan2 minyak dan gas ini-lah pada masa ini yang membolehkan Kerajaan mengadakan dengan perkhidmatan2 yang menolong meninggikan lagi taraf hidup rakyat negeri ini dan sa-terusnya menimbulkan rakyat yang mempunyai tenaga yang terlatih dan berkebolehan serta layak menjalankan sebarang tugas yang di-beri pada-nya. Kararah ini tindakan Kerajaan meminda undang2 minyak baru2 ini ada-lah sa-chuchok dan demikian juga penyertaan Kerajaan sendiri dalam perusahaan gas yang akan di-adakan di-Lumut itu ada-lah juga satu2 perkara yang sangat penting kepada ekonomi negeri ini kerana perusahaan gas di-Lumut itu ada-lah merupakan satu industri yang ke-2 besar-

nya daripada minyak.

Memandang kepada penting-nya minyak dan gas dalam kehidupan ekonomi negara ini memang kena pada tempat-nya jika penggunaan2 bahan2 yang mentah itu dapat di-selideki dengan sa-luas2-nya dengan bertujuan untuk menubuhkan di-Brunei perusahaan2 sa-chara berbesar2an yang memerlukan minyak dan gas sa-bagai bahan2 mentah; sama ada sa-chara bersendirian tetapi lebih praktik sa-chara usaha bersama. Penyertaan Kerajaan dan atau rakyat negeri ini sepatut-nya bukan saja sa-takat peratus yang kecil tetapi seperti yang di-lakukan di-negara2 lain yang menunjukkan penyertaan negara yang berkaitan hingga kepada asas 50-50. Kemungkinan2 pada waktu2 kemudian nanti untuk menjual saham perusahaan yang agak besar itu kepada rakyat negeri ini walaupun sa-chara kechil2n ada-lah juga satu perkara yang boleh menolong memperbaiki jumlah pendapatan rakyat negeri ini dan demikian juga pembahagian-nya serta pendapat per kapita.

PENANAMAN

MODAL

Menyentuh hal penanaman modal Brunei di-luar negeri terutama sekali memandang kepada pengalaman kejatuhan £ sterling baru2 ini ada-lah penting kepada ekonomi negeri ini supaya penanaman modal yang akan datang hendaklah di-perluaskan bukan saja dalam kawasan2 sterling bahkan juga dalam kawasan2 kewangan yang lain seperti ringgit Amerika, mark-Jerman dan seumpama-nya. Selain dari itu sama penting-nya penanaman modal itu hendaklah juga di-banyakan di-dalam negeri ini sendiri; sama ada yang berupa penyertaan Kerajaan sendiri seperti penyertaan dalam perusahaan gas di-Lumut itu, maupun yang berchurak kemudahan2 yang khas untuk menggalakkan rakyat negeri ini khas-nya bagi mengembangkan dan mengambil alih perniagaan dan perusahaan2 yang agak saimbang dengan kebolehan rakyat negeri ini yang maseh lagi di-jalankan oleh badan2 asing kepada Brunei Darusalam.

Selanjut-nya untuk faedah2 setibility ekonomi negara walaupun kita di-anggap sa-bagai sa-buah negara yang kaya adalah juga berfaedah, kalau tidak penting, supaya pintu ekonomi negara Brunei di-buka luas kepada penanaman2 modal dari sebarang laut supaya mereka membawa masuk modal2 mereka; sama ada sa-chara kerjasama dengan penduduk2 dan rakyat negeri ini maupun sa-chara yang lain yang sesuai. Dengan ada-nya perusahaan2

(Lihat Muka 6)

RANCHANGAN PEREKONOMIAN DI-BRUNEI

(SIRI AKHIR)

Oleh:

AWANG ABD. AZIZ UMAR AL-HAJ.

KEBERSEHAN menjadi suatu perkara yang amat penting dalam Ugama Islam. Bersuchi ada-lah menjadi anak kunchi sa-belum melakukan ibadat sembahyang. Bersuchi yang dimaksudkan ia-lah termasuk sama ada berudzu atau bertaimun atau mandi menurut yang di-atorkan oleh shara'.

Sa-benar-nya menurut maksud sa-buah hadith bahawasa-nya tiada-lah di-terima oleh Allah sesuatu sembahyang yang tidak di-sertai oleh kesuchian. Yang di-maksudkan dengan kesuchian itu ia-lah sama ada suchi daripada hadas yang kechil atau pun daripada hadas yang besar, kerana itu ada-lah sangat mustahak bagi kita sa-belum mendirikan sembahyang telah yakin bahawasa-nya kita telah berada dalam keadaan yang suchi termasuk-lah kita telah mengambil udzu dengan sempurana-nya ia-itu menurut saperti yang di-ajarkan oleh shara' kepada kita.

Sa-siapa daripada kita yang maseh ragu2 atau sa-siapa dari kita yang agak terlupa akan rukun mengambil udzu, hendaklah rujok kembali atau mengulangkaji pelajaran men-

"Udzu" mainkan peranan penting dlm. menunaikan ibadat sembahyang

KHUTBAH JUMA'AT

genai dengan chara2 mengambil udzu yang betul. Mengulangkaji ilmu pengetahuan khas-nya mengenai dengan ibadat yang kita lakukan sehari2 ada-lah sangat2 dikehendaki supaya ibadat kita

itu benar2 menurut apa yang di-suroh oleh ugama kita dan supaya jangan-lah kita membuat sa-suatu pekerjaan ibadat itu dalam keadaan hati yang shak atau was2 sama ada ia betul atau pun sa-balek-nya.

Ada pun udzu selain daripada mendatangkan kebersehan yang dzahir maka ia-juga mempunyai hikmat yang tertentu, kerana menurut maksud sa-buah hadith Rasulullah pernah bersabda bahawa apabila sa-saorang hamba yang Muslim atau mukmin mengambil udzu, maka ia membasoh muka-nya, keluar-lah daripada muka-nya itu semua kesalahan yang di-pandang-nya dengan dua biji mata-nya bersama2 dengan ayer atau bersama2 dengan titekan ayer yang penghabisan dan dia membasoh kedua tangan-nya, maka keluar-lah daripada kedua tangan-nya itu semua kesalahan yang di-lakukan oleh kedua-nya bersama2 dengan ayer atau bersama2 dengan titekan ayer yang penghabisan dan ia membasoh kedua kaki-nya, maka keluar-lah semua kesalahan yang di-lakukan oleh kedua kaki-nya bersama2 dengan ayer atau ber-

sama2 dengan titekan ayer yang penghabisan, sa-hingga ia keluar bersehad daripada segala dosa.

Sa-benar-nya ada banyak hadith2 lagi mengenai dengan hikmat udzu tetapi agak memadai-lah apa yang di-sebutkan di-atas tadi.

Mata kita ia-lah kurnia daripada Allah. Ia kita gunakan untuk melihat, tentu-lah bermacam2 yang dapat di-lihat termasuk-lah yang baik atau sa-balek-nya dan ada yang halal atau haram dan demikian-lah sa-terus-nya.

Telinga kita ada-lah kurnia daripada Allah. Ia kita gunakan untuk mendengar, tentu-lah berbagai2 yang dapat didengar, termasuk-lah yang baik atau yang jahat, yang halal atau haram dan sa-terus-nya.

Mulut kita ada-lah kurnia daripada Allah. Ia dapat kita gunakan untuk berchakap, tentu-lah bermacam2 yang dapat di-chakapkan, termasuk-lah yang berkebaikan atau sa-balek-nya. Demikian-lah sa-terus-nya dan bagitu-lah juga anggota2 yang lain.

Ada pun kesalahan atau dosa menurut shara' terbanagi kepada dosa besar dan dosa kechil, maka yang di-maksudkan oleh hadith tadi ia-lah yang di-ampunkan itu ia-lah dosa2 yang kechil yang tidak kena mengena dengan hak seseorang.

Oleh kerana udzu memainkan peranan yang penting dalam menunaikan ibadat sembahyang dan juga mempunyai hikmat2 yang terlalu besar, maka ada-lah di-serukan supaya kita mengulangkaji chara2 kita berudzu supaya menurut sa-bagaimana yang di-hendaki oleh ugama kita dan pekerjaan kita di-terima oleh Allah.

Sambutan Maulud Nabi di-Daerah Temburong 23 Mei

TEMBURONG. — Umat Islam di-Daerah Temburong akan mengadakan perayaan sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. dengan rapat dan perarakan di-Pekan Bangar pada 23 Mei.

Sambutan itu yang di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bangar akan di-ke-

lolakan oleh Jawatankuasa Perayaan Maulud Nabi yang di-pengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong Awang Mohamed Salleh bin Hidup.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa perayaan itu berkata borang2 masuk untuk menyertai perarakan itu telah di-bahagi2kan kepada badan2 Islam, persatuan2, sekolah2, kampong2 dan jabatan2 kerajaan.

Pasokan2 yang mengambil bahagian dalam perayaan itu pada mula-nya akan berhimpun di-padang Pekan Bangar pada pukul 2.00 petang.

Mereka kemudian-nya akan berarak mengelilingi pekan dan kembali ka-padang itu untuk mendengar sharahan2 mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Mohammad s.a.w.

Peraduan Berzanji Perengkat negeri

BANDAR BRUNEI. — Daerah Brunei-Muara akan diwakili oleh empat orang peserta ka-peraduan membacha Berzanji Perengkat Negeri di-Balai Panghadapan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar pada 23 Mei mulai jam 8.00 malam.

Mereka ia-lah Awang Abdul Wahab bin Begawan Pehin Tuan Imam Dato Setia Haji Metassan; Awang Mukim bin Hassan; Dayang Saliha binte Haji Abdul Latif dan Dayang Asmah binte Paidi.

Mereka telah terpilih dari beberapa orang peserta dalam satu peraduan yang di-adakan di-Madrasah, Bandar Brunei.

Daerah Temburong akan diwakili oleh Awang Alikhan bin Ismail dan Dayang Aisah binte Begawan Mudim Haji Adnan.

Kedua2-nya telah di-pilih sebagai yang terbaik dan beberapa orang peserta dalam peraduan perengkat daerah yang di-adakan di-dewan Masjid Utama Muhammad Salleh, pekan Bangar.

Daerah2 Belait dan Tutong juga akan menghantar wakil2 mereka ka-peraduan tersebut.

Kembali sa-telah memerhati

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama telah pulang katanah ayer pada hari Sabtu lepas sa-telah melawat sambil memerhati mengenai pentadbiran dan pepereksaan selama dua bulan di-Malaysia Barat.

Mereka ia-lah Awang Haji Abdullah bin Metassan, Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Pemangku Pegawai Pepereksaan.

Kedua2 orang pegawai itu telah di-tempatkan di-Jabatan2 Ugama di-Pekatan Selangor, Kelantan dan Singapura.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20 Mei 1970 hingga ka-hari Selasa 26 Mei 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
20 Mei		12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
21 Mei		12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
22 Mei		12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
23 Mei		12-23	3-41	6-33	1-45	4-37	5-51	6-05
24 Mei		12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
25 Mei		12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-01	6-05
26 Mei		12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mula pada pukul 12-45 tengah hari.



20hb. Mei, 1970.

DARI SABDA DULI TIMBALAN SULTAN

SOAL kerjasama dan mengenai dengan makan suap atau rasuah dari saoda Timbalan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan di-rapat raksaksa kerana meraikan kelahiran junjungan kita Nabi Mohammad s.a.w. ia-lah merupakan soal yang amat menarik perhatian.

Sa-jauh ini dapat-lah kita fahamkan bahawa sa-tiap sabda Duli Yang Teramat Mulia itu banyak membawa keputusan yang berat yang sa-chara langsung memerlukan kita mengasah otak untuk memikirkan-nya jika benar2 kita mau menyumbangkan seluruh tenaga dan daya usaha untuk membangun negara dan rakyat kita yang hanya "sa-jemput" seperti yang di-istilahkan oleh Duli Yang Teramat Mulia itu.

Fahaman kita mengenai dengan istilah sa-jemput itu sa-olah2 membawa tenaga untuk kita sama2 sedar bahawa dari sa-jemput akan timbul satu bilangan yang besar — dan kerana itu ada-lah perlu di-tunjukkan sa-tiap langkah dan usaha itu berdasarkan kepada lunas2 yang lurus dan di-redhai Allah yang sa-chara langsung dapat membimbing dengan betul apabila timbul bilangan yang besar itu nanti.

Kerjasama ada-lah tidak terhad kepada sumbangan tenaga yang dzahir sahaja, tetapi ia-nya meliputi kepada sumbangan fikiran, nasihat dan tegoran. Bekerjasama pada menyumbangkan fikiran, nasihat dan tegoran yang ikhlas itu ada-lah perkara yang utama dan amat di-hargai oleh Kerajaan Baginda Sultan terutama mengenai dengan usaha2 kerajaan. Dengan jalan ini juga, kerajaan akan dapat mengetahui lebih dekat lagi akan sa-satu langkah yang mungkin merugikan atau mengurangkan kebajikan rakyat dan kerajaan sendiri.

Mengenai dengan makan suap atau rasuah, Duli Yang Teramat Mulia itu menisfatkan-nya sa-bagai kuman yang membawa penyakit. Tindakan yang tegas perlu di-ambil untuk memberantas penyakit itu jika benar2 ia ada.

Duli Yang Teramat Mulia perchaya mengenai ada-nya undang2 menyekat rasuah di-Bruni dan kerajaan tidak teragak2 untuk bertindak dengan tegas jika terbukti ada-nya orang2 melakukan perkara yang keji itu.

Rasuah sa-bagai kuman membawa penyakit yang boleh menjerumuskan negara dan menyeksa rakyat dan penduduk ada-lah sa-taraf dengan benचना alam yang mengerikan. Chuma tiada siapa yang boleh menahan benचना alam atas kuasa Tohan, tetapi rasuah boleh di-bentasi dari berlaku menurut undang2.

Orang2 yang melakukan rasuah ada-lah pengkhianat besar, bukan hanya terhadap negara dan bangsa-nya tetapi juga khianat kepada agama-nya le-beh2 lagi jika ia beragama Islam.

Semoga Brunei Darussalam yang kita cintai ini tersih dari di-hinggapi oleh kuman penyakit yang berbahaya itu.



LEBEH 8,000 UMAT ISLAM DALAM PERARAKAN

MAULUD


SA-BANYAK 76 buah pasokan yang mengandungi lebih dari 8,000 orang umat Islam di-Daerah Brunei-Muara telah mengambil bahagian dalam perarakan bagi menyambut hari keputeraan junjungan kita Nabi Mohammad s.a.w. yang telah berlangsung pada hari Isnin 18 Mei lepas.

Pasokan2 itu ada-lah mewakili persatuan2 belia, sekolah2, maktab2, kampung2, jabatan2 kerajaan serta pertubuhan2 Islam.

Maktab Sultan Omar Ali Sai-

Timbalan: Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika di-ahli2kan keberangkatan tiba Baginda ka-upacara sambutan itu oleh Kadzi Besar, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kemaluddin Al-Haj.

Kadzi Besar, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain ketika menyampaikan sharahan khas mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Mohammad s.a.w. dalam sambutan itu.



Pasokan2 Maktab SOAS yang mengandungi, 1,460 orang penutut ketika berarak mengelilingi bandar dalam sambutan Maulud Nabi.

Kaum ibu juga tidak ketinggalan untuk mengambil bahagian dalam perarakan tersebut. Gambar menunjukkan ahli2 Persatuan PERTIWI yang di-ketuai oleh Datin Hajjah Salmah.

fuddin telah menghantar bilangan yang terbesar ia-itu empat pasokan yang mengandungi, 1,460 orang penutut dalam perarakan tersebut.

Sa-belum memulakan perarakan, pasokan2 itu pada mula-nya telah berkumpul di-padang besar untuk mendengar sharahan khas oleh Kadzi Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, mengenai dengan riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Mohammad s.a.w., ucapan alu2an oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kemaluddin Al-Haj dan sabda dari Timbalan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Mereka juga telah mendengar persembahan nashid yang di-pimpin oleh Awang Abdul Kadir bin Awang dan bacahan ayat2 suci oleh Awang Haji Damit bin Haji Kawang.

Sa-telah upacara itu selesai, dengan di-dahului oleh bacahan selawat sa-banyak tiga kali dan dengan di-ikuti oleh tembak meriam sa-banyak 12 das, maka pasokan2 itu pun memulakan perarakan mengelilingi Bandar Brunei.

Perarakan itu telah di-kepalai oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohd. Yusof, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, dan ahli2 jawatankuasa sambutan Maulud.

Turut mengambil bahagian dalam perarakan itu ia-lah Pasokan Pulis Di-Raja, Askar Melayu Di-Raja dan pencharagam-nya serta satu pasokan yang terdiri dari isatu pegawai dan anggota2 AMDB.

Perarakan yang panjang-nya kira-kira dua batu itu telah berjalan melalui Jalan Elizabeth, Jalan Sumbiling, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Selakoh, Jalan Tasek Lama, Jalan Kianggeh Jalan Pretty dan mengelilingi lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin sa-belum berkumpul semula di-padang besar.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof telah menyampaikan siji2 dan risalah2 khas kepada pasokan2 yang mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.



Pasokan Kampong Sungai Kedayan 'B' Yang di-ketuai oleh Awang Rosli bin Abdul Aziz ketika berarak dengan megah-nya.


Pasokan pencharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei yang telah memainkan lagu2 yang berentak mach dalam perarakan tersebut.



Duli Timbalan Sultan dengan di-iringi oleh Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh ketika memeriksa pasokan2 yang telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Isteri2 pegawai dan anggota2 Askar Melayu Di-Raja Brunei yang turut mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Murid2 perempuan ketika mempersembahkan nashid bagi membuka achara dalam sambutan tersebut.



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof sedang menyampaikan sijil kepada ketua salah sa-buah pasokan yang telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.



Murid2 di-seru menanamkan semangat chinta kapada seni

TANJONG MAYA. — Penuh Pegawai Daerah Tutong Awang Sidek bin Yahya telah menyeru kepada semua murid2 di-Daerah Tutong supaya menumpukan usaha di-bidang pelajaran dan menanamkan semangat chinta kapada seni.

Beliau juga mengesa kapada ibu bapa supaya menggalakkan anak2 mereka rajin belajar dan memupok kechenderungan mereka yang semula jadi.

Awang Sidek telah berucap demikian ketika merasmikan pembukaan pameran seni lukis dan pertukangan tangan bagi sekolah2 Melayu Tutong Dua di-Sekolah Melayu Abdul Rashid Tanjong Maya pada minggu lepas.

Beliau berkata Kerajaan sen-

tiasa mengambil perhatian berat apa juga churak pelajaran yang boleh di-tunjokkan kan-dunia antara bangsa.

Terdahulu sa-belum itu wakil dari Jabatan Pelajaran, Awang Haji Daud bin Serudin telah menjelaskan bahawa lebeh sa-ratus buah lukisan telah di-hantar ka-pameran negara2 Commonwealth di - United Kingdom tahun lalu, 21 daripada-nya telah mendapat kepujian.

Turut berucap di-majlis itu ialah Guru Besar Sekolah Melayu Abdul Rashid Che'gu Ramli bin Haji Kadir.

Sa-banyak 14 sekolah2 Melayu Tutong Dua telah mengambil bahagian dalam pameran itu.

Sekolah Melayu Abdul Rashid telah menjadi johan dalam pameran itu; naib johan-Sekolah Melayu Panchong dan ketiga-Sekolah Melayu Lubok Pulau.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Awang Abdul Manan bin Pulong, ahli Majlis Mashuarat Daerah Tutong.

40 orang rekrut berlateh di-K.L.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 40 orang rekrut dan 10 orang pegawai rendah pulis Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada minggu lepas untuk menjalani latehan pulis.

Sa-ramai 40 orang rekrut itu, akan menjalani latehan di-Pusat Latehan Pulis Kuala Lumpur, selama 6 hingga 9 bulan, sementara 10 orang pegawai rendah pulis itu, akan menjalani latehan selama sabulan.

Rombongan pulis itu di-ke-tuai oleh Sergeant Suhaimi bin Damit.

Semasa latehan mereka mem-pelajari tentang undang2 pulis, perbarisan dan tugas2 am pulis.

Sa-belum berlepas ka-Kuala Lumpur, rekrut2 itu telah menjal-ni latehan singkat di-Pusat Latehan Pulis di - Jalan Muara.

Perlawanan badminton

KUALA BELAIT. — Persa-satuan Bumi Putera Belait juga akan menganjorkan perla-wanan badminton yang ter-buka kapada persatuan2 be-lia, badan2 kebajikan, kelab2, sharikat2 perniagaan dan peja-bat2 kerajaan di-negeri ini.

Peraduan itu di-adakan sa-bahagian dari acara kerana menyam-but perayaan ulang tahun hari ke-puteraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Borang2 untuk memasoki per-aduan itu sekarang boleh di-dapati dari Awang Rabaie bin Metali, di-Jabatan Letrik Kuala Belait; Awang Hassan bin Louis, Pejabat Daerah Kuala Belait dan Awang Ahmad bin Bakar, Jabatan Letrik Seria.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI 5



Nama: Sulang.

Penerangan: Sulang ini un-tok menyimpan ayer dalam majlis2 hidangan baik adat istiadat perkahwinan mahu pun kenduri. Di-samping sulang ini selalu-nya terdapat BATIL (tembaga) untuk penchedok ayer dari sulang itu. Biding di-pertengahan sulang ini di-gunakan untuk tempat memeg-gang ketika mengangkat.

Di-bawah biding ini terdapat angka 1303 (Hijrah) bersama-an dengan tahun 1885 masehi ia-itu tarikh sulang ini di-buat. (tidak terang) Tuan Hashim." Biasa-nya nama yang terchatet di-benda itu ada-lah orang yang punya barang itu.

Di-buat daripada tembaga dan di-beli dalam tahun 1964 di-Daerah Brunei.

Sukatan: Lebar 10".

Tinggi 7".

Rancangan Perekonomian Di-Brunei

(Dari Muka 2)

yang di-tubuhkan oleh pemo-dal2 asing di-negeri ini; bukan saja mata2 pencharian raayat akan lebeh luas, tetapi juga ex-port2 kita keluar negeri akan bertambah yang mana pada jangka panjang akan menam-bahkan lagi kekuatan pertu-karan wang antara bangsa me-lalui ringgit Brunei sendiri, sambil mengukuhkan kegalat-an politik negara2 lain terha-dap negeri ini.

Ada-lah juga perlu di-titik beratkan bahawa memandang kapada kechil-nya penduduk2 negeri ini sebarang perusaha-an2 yang sederhana ataupun besar terpaksa menggunakan kapital yang lebeh; berchurak misin dan lain2 daripada tena-ga manusia. Ini melibatkan pengalaman2 dan ilmu tekno-loji yang tinggi. Dengan peng-naaan alat2 yang moden itu bererti juga akan melibatkan pengeluaran2 yang agak besar. Oleh itu memerlukan pasaran yang luas. Dengan sebab itu-lah sa-bagai sa-buah negara saperti ini kita lebeh2 memer-lukan kerjasama antara bang-sa; sama ada di-dalam wilayah ini atau pun kerjasama antara waliyah. Hanya dengan jalan ini saja rancangan2 perekono-mian yang agak kukoh dan bes-ar boleh di-laksanakan, ia-itu sa-bagai satu misal perusahaan gas di-Lumut ada-lah ker-jasama antara bangsa di-antara Brunei dengan pehak Shell dan pehak Jepun. Ka-arah ini pe-nyertaan2 Brunei dalam ker-jasama ekonomi antara bangsa dalam wilayah dan antara wilayah amat-lah penting.

Pendek kata rancangan

ekonomi negara pada masa ini untuk masa2 yang akan datang hendak-lah berchurak usaha2 yang mengkesankan pe-nambahan2 pendapat raayat negeri ini penyertaan raayat dalam bidang ekonomi yang lebih pesat, golakan usaha ber-sama dalam dan antara wil-ayah dan penanaman modal yang lebeh luas. Dengan kea-daun politik dunia yang setibal, suasana negeri yang aman, har-moni dan berkeselamatan serta pimpinan yang sehat dan deng-an izin Allah Subhanahu Wata'ala mudah2an-lah ne-geri kita Brunei Darus-salam ini akan terus menerus menuju dan di-tujukan ka-arah pembangunan ekonomi yang kukoh dan ma'amor.

Perkhidmatan Pos Sungai berjalan dengan memuaskan

TUTONG. — Pemangku Ketua Pos Agong Awang Haji Mohamed Jaafar bin Haji Mohamed Daud ber-kata perkhidmatan pos sun-gai di-Daerah Tutong telah berjalan dengan memuas-kan.

Awang Haji Mohamad Jaafar berkata demikian apabila di-minta supaya menjelaskan tentang kema-juan dalam perkhidmatan pos sungai ka-tujuh belas buah kampung di-Tutong.

Moto bot pos yang di-tempatkan di-Pekan Tutong melawat ka-kampung2 itu tiap2 hari Isnin dan Rabu sa-tiap minggu.

Bot pos itu berkhidmat bagi 14 buah kampung di-antara Lubok Pulau dan Rambai pada hari Isnin dan tiga buah kampung di-anta-ra Rambai dan Keranching pada hari Rabu.

Ia-nya berhenti selama kira2 lima minit di-tiap2 kampung bermula dengan Lubok Pulau di-mana ia di-jadualkan tiba pa-da pukul 8.20 pagi.

Pada hari Rabu, bot itu ber-lepas dari Rambai pada pukul 10.00 pagi ka-Keranching, sin-ggah di-Kuala Unggar dan Benu-tan dalam perjalanan-nya.

Pemangku Ketua Pos Agong itu berkata, urusan2 yang di-jalankan oleh perkhidmatan pos sungai itu pada masa ini ada-lah terhad kapada menjual se-tem dan menerima mel2 bias.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pemereksa Tali Ayer dan Parit2

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayaan untuk memenohi jawatan kosong yang berikut di-Jabatan Pertanian, Brunei.

PEMEREKS TALI AYER DAN PARIT2 (1 jawatan)

Kelayakan2:

Chalu2 mesti-lah berumur diantara 20 dan 30 tahun dan lulus Form I Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu. Mereka mesti-lah bersedia untuk bekerja di-kawasan2 penanaman padi di-seluruh negeri. Pengetahuan Kerja2 mengukur ada-lah di-utamakan.

Chalu2 yang di-pilih akan di-kehendaki menjalani latihan dalam kerja2 mengukur sesudah menjalani satu tempoh perkhidmatan permulaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2 EB 3 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360/EB/380 x 20 — 480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lanterkan:

Chalu2 yang terpilih yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Mereka yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Jun, 1970.

Sa-bagai Pembantu Teknik Kanan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayaan bagi jawatan2 Pembantu Teknik Kanan (Quantity Surveying) di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Umor:

25 hingga 55.

Kelayakan2:

Singapore Polytechnic Technician Diploma dalam Pembangunan, atau City and Guilds Builders Quantities) Final Examination, atau kelayakan yang sa-banding.

Di-Jabatan Pertanian

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayaan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pertanian, Brunei.

A) PEMBANTU PERTANIAN (3 kekosongan)

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah telah menjalani latihan dalam pertanian di-sesuatu institute yang di-iktiraf.

b) Mereka mesti-lah boleh bertutor dan menulis dalam bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

B) PEMBANTU PERTANIAN RENDAH (4 kekosongan)

Kelayakan2:

a) Chalu2 mesti-lah berumur berumur antara 18 hingga 25 tahun dan lulus peperiksaan L.C.E. atau pun mempunyai sijil daripada sebuah Sekolah Pertanian yang di-iktiraf.

b) Mereka mesti-lah boleh bertutor dalam bahasa Melayu.

c) Mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris merupakan satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2 EB3-4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360/EB/380 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tugas2:

Chalu2 yang di-pilih akan di-kehendaki menjalani latihan. Tugas2 jawatan ini terutama-nya ialah mengenai perkembangan dan kemajuan pertanian. Chalu2 mungkin di-kehendaki pergi ka-kawasan2 pendalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalu2 yang berjaya yang bu-

kan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mei, 1970.

Pengalaman:

Selama lima tahun sa-bagai Quantity Surveying Assistant dengan sa-buah sharikat Chartered Quantity Surveyors; mempunyai kebolehan dalam menaksir, menyediakan kiraan2 dan membuat ukoran2 tapak bangunan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C2 — \$660 x 30 — 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lanterkan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10hb. Jun 1970.

Sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya selama 3 tahun dan boleh memperbaiki sebarang kerosakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB3 — \$180 x 5 — 195/EB/200 x 5 — 220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mei, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Sabda Duli Timbalan Sultan

(Dari Muka 1)

Kerjasama itu termasuklah juga memberikan fikiran2 atau nasihat2 yang jujur jika di-dapati usaha Kerajaan itu pada fikiran sa-saorang merugikan kebajikan raayat dan penduduk atau boleh mengurangkan kepercayaan raayat dan penduduk kepada Kerajaan. Maka Kerajaan Baginda Sultan ada-lah bersedia menimbangkan fikiran2 yang sehat yang benar2 berkeadilan yang di-redhai oleh Allah dan hendaknya-lah di-salurkan menerusi saluran2 yang sehat (saluran hila kejujuran).

Sambutan penduduk dan raayat kepada usaha2 Kerajaan ada-lah mustahak kerana usaha2 itu dibuat ia-lah untuk kebajikan raayat dan penduduk serta laila isi di-dalamnya (di - dalam negeri Brunei).

Beta sangat-lah bergembira dengan sambutan umat Islam termasuk beia2 terdapat ajaran2 kerana mengadakan Maulud Nabi ini. Beta perhatikan sambutan Maulud ini dari sejak beberapa tahun yang lalu sangat-lah menggalakkan dan sambutan seperti ini ada-lah dikehendaki dan bukan saja kerana Maulud Nabi atau menyambut Maulud Nabi atau menyambut Maulud Nabi bukan yang di-harapkan ia-lah meliputi segala usana Kerajaan Baginda Sultan.

Berbalek kita kepada Nabi Mohammad s.a.w. yang kita rayakan kelahiran-nya pada saat ini, maka ingin-lah beta menyentuh salah satu sifat yang terpuji yang di-miliki oleh Baginda. Sifat itu ada-lah amanah. Baginda terkenal dengan gelaran Al-Amin.

Beta percaya sifat amanah ada-lah sangat penting, amanah mempunyai pengertian yang luas termasuklah dari segi pentadbiran oleh itu ingin-lah beta memetik bahawa di-riwayatkan Nabi kita Mohammad s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud bahawa Allah Subhanahu - wataala mengutuk orang2 yang memberi suap dan orang2 yang memakan suap atau dengan perkataan sekarang ini, Allah Subhanahu-wataala mengutuk orang yang memberi rasuah dan orang yang menerima rasuah, beta percaya perkataan membe... suap, memberi rasuah; makan suap atau menerima rasuah ada-lah di-fahami oleh tiap2 orang.

Tindakan pada pendapat beta, rasuah ada-lah merupakan kuman yang membawa penyakit. Tindakan yang tegas perlu di-ambil untuk memantas penyakit itu jika benar2 ia ada.

Nabi kita telah memberikan kepada kita bahawa Allah Subhanahu-wataala mengutuk rasuah, yang di-kutuk itu ia-lah orang yang memberi rasuah dan orang yang menerima rasuah. Maka beta percaya undang2 mengenai rasuah ini ada di-Brunei dan beta percaya Kerajaan Baginda Sultan tidak teragak2 mengambil tindakan yang tegas jika terdapat dan terbukti ada orang atau orang2 yang terlibat dalam perkara rasuah atau atau memberi suap, memberi rasuah. Dalam pada itu oleh kerana kita orang Islam di-samping kita takut dan hormat kepada undang2 maka kita hendak-lah takut dan ngeri kepada laknat atau titisan daripada Allah Subhanahu-wataala dan kita ada-lah di-seru supaya mematuhi Nabi kita termasuklah supaya pemegang2 dengan kuatnya kepada sifat2 amanah.

Beta berdo'a kehadharat Allah subhanahu-wata'ala semoga semangai keislaman yang berkubur2 di-jiwa awang2 dan dayang2 pada saat menyambut hari Maulud Nabi ini akan terus berkubur2 dan arah-

kan-lah dia kepada memahami lebih mendalam lagi mengenai dengan ajaran2 Nabi kita Mohammad yang terchinta itu dan jangan-lah di-salah gunakan untuk tujuan yang tidak di-redhai oleh Allah Subhanahu-wata'ala.

Akhir-nya beta dengan sukachita menyatakan kepada awang2 dan dayang2 pada umum-nya raayat dan penduduk dan laila isi di-dalam Negeri Brunei benar2 belajar kira-nya belum memahami untuk memahami laila mendalam dari segi erti 'tasauf' yang pernah di-katakan oleh orang2 tua2 dahulu yang mana tasauf itu ada-lah senjaya yang amat tajam untuk meng-usahkan atau mengikhtiar atau mengikhtiarakan mengenai soal pertahanan atau mempertahankan keselamatan luar dan dalam negeri kita Brunei berpandu kepada bilangan laila isi dalam negeri kita Brunei 'sa-jampuit' (sedikit). Sa-sungguh-nya negeri kita Brunei ma'amor dengan rahmat Tohan rabul alamin yang di-churahkan-nya dalam negeri kita Brunei yang kita kasehi ini.

Beta atas nama jawatan sa-bagai Timbalan Sultan lebih2 lagi atas nama beta sa-bagai Begawan Sultan ayah kepada Paduka Seri Sultan pada menasehatkan-nya dan soal usaha pada pertahanan dan pada mengawal keselamatan luar dan dalam negeri Brunei telah di-hadapkan kepada Kerajaan Baginda Queen oleh Baginda Sultan. Beta berdo'a kita sekalian dengan izin Allah Subhanahu wata'ala menjadikan Negeri Brunei kita ini ia-lah sa-buah negeri yang di-sebut dengan nama Brunei Darusalam. Sekian terima kaseh."

Pertunjukkan tattoo sambut hari ulang tahun AMDB

BERAKAS. — Askar Melayu Di-Raja Brunei akan merayakan hari ulang tahun-nya yang ke-sembilan dengan mengadakan pertunjukan tattoo dan lain2-nya di-padang perbarisan di-Khemah Berakas.

Persembahan2 akan di-adakan selama tiga hari — 27

Peluang berlakun di-Radio Brunei

BANDAR BRUNEI. — Perkhidmatan Melayu Radio Brunei mempelawa orang2 yang ingin menjadi Juru Hebah Sari bilan dan juga Pelakun2 tambahan bagi ranchangan2 yang berchurak Drama Radio (Sandiwara Radio dan lain2).

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 Melayu yang di-lahirkan di-Brunei serta menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan. Umur sekurang2-nya 18 tahun ka-atas.

(i) UNTUK JURU HEBAH SAMBILAN — Mempunyai suara yang baik serta sebutan yang terang dan lancar.

(ii) UNTUK PELAKUN DRAMA RADIO — Mempunyai kebolehan berlakun dalam menyayakan watak2 yang di-tentukan.

Chalon2 yang ingin memasoki perkara yang di-nyatakan di-atas, hendak-lah menghantar surat permohonan mereka kepada Pengelola Bahagian Melayu, Radio Brunei, Bandar Brunei tidak lewat dari 2 Jun 1970.



Gambar menunjukkan tiga orang penulong rendah pertanian (dari kiri) Awang Salleh bin Haji Daud, Awang Anam bin Arsad dan Awang Morni bin Jali serta dua orang pelatoh urusan rumah tangga Dayang Rauyah binte Abdul Rahman (kiri) dan Dayangku Siti Halimah binte Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong.

Tiga orang Penulong Rendah Pertanian berlateh di-K.K.

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang Penulong Rendah Pertanian dan dua orang jurulathe urusan rumah tangga dari Jabatan Pertanian telah berlepas ka-Kota Kinabalu pada minggu lepas untuk menjalani latehan dalam jurusan yang

berhubung dengan pertanian, di-Sabah.

Tiga orang penulong pertanian itu ia-lah Awang Anam bin Arsad; Awang Salleh bin Haji Daud dan Awang Morni bin Jali, yang akan mengambil kursus mengenai perkara2 yang termasuk tanaman2; sains tanah; ternakkan binatang; ilmu penyakit tanaman; tumbuhan2; ilmu haiwan dan perikanan.

Sementara dua yang lain-nya, Dayangku Siti Halimah binte Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong dan Dayang Rauyah binte Abdul Rahman, akan mengambil kursus dalam jurusan jahit menjahit; memasak; mengasuh kanak2; menguruskan rumah tangga; kesihatan; menyediakan makanan dan memperbaiki keadaan kesihatan.

Mereka itu akan di-tempatkan di-Jabatan Pertanian Sabah selama sembilan atau sepuluh bulan.

Bekalan ayer utk. Kg. Lumapas

BANDAR BRUNEI. — Kampong Lumapas sekarang mendapat bekalan ayer paip buat pertama kali-nya berikutan siap-nya baharu2 ini ranchangan bekalan ayer yang kecil oleh Jabatan Kerja Raya.

Sa-orang juruchakap bagi jabatan itu berkata, ayer itu dipam dari sa-buah sungai kalsaloran paip di-sepanjang jalan melalui sa-buah tangki.

Juruchakap itu berkata, ayer itu di-champor ubat dan bekalan ada-lah di-hadkan kepada 15,000 gilin sa-hari.